



اَوْنُوْ سَيِّتِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

PENDAFTARAN KOLEJ SESI MAC - OGOS 2025

AINA QISTINA JAMIROSYADI , NURIN BATRISYA WAHID



Pendaftaran pelajar ke kolej kediaman Mayang Selida & Bendahara Skudai telah berlangsung dengan lancar pada 5 & 6 April 2025 yang bertempat di Bilik Gerakan JPK dan Bilik Gerakan JPNR. Proses ini melibatkan pelajar baharu dan pelajar lama yang terdiri daripada ketiga-tiga fakulti di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.



Dengan kerjasama yang amat erat antara Unit Residen & Hospitaliti Pelajar bersama Jawatankuasa Perwakilan Kolej, pendaftaran kolej kali ini berjalan dengan teratur bermula daripada kaunter pendaftaran dan pengesahan dokumen, pengagihan kunci bilik sehingga pelajar selesai masuk ke dalam bilik masing-masing.



Proses pendaftaran bukan sahaja memastikan kelancaran kemasukan pelajar, malah turut menjadi platform bagi memperkenalkan Jawatankuasa Perwakilan Kolej sebagai penghubung utama antara pengurusan kolej dan pelajar. Sepanjang proses berlangsung, JPK telah membantu mengurus aliran pelajar, menyampaikan maklumat penting mengenai peraturan kolej serta memberikan panduan berkaitan kemudahan yang disediakan.



Pihak Unit Residensi & Hospitaliti Pelajar dan seluruh ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej berharap semua pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, mengamalkan sikap toleransi sesama rakan sebilik dan mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan demi kesejahteraan bersama.

Pendaftaran kali ini membuktikan bahawa semangat kerjasama, kesukarelawanan dan kreativiti dalam menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan masih kukuh dalam kalangan Jawatankuasa Perwakilan Kolej.

Sepanjang proses berlangsung, JPK turut mengambil peluang untuk mengadakan jualan khas yang dikendalikan oleh Exco Perniagaan & Keusahawanan. Jualan ini menawarkan pelbagai barangan dan makanan ringan untuk pelajar serta ibu bapa & penjaga yang hadir. Inisiatif ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada pelajar pada hari pendaftaran malah membantu mengumpul dana bagi menyokong aktiviti kolej akan datang.

